

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, January 7, 2020 11:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ikhlas Sangat Penting Dalam Menjalankan Tugas



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JANUARI 2020 / 11 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

IKHLAS SANGAT PENTING DALAM MENJALANKAN TUGAS



UUM ONLINE: Majlis Malam Sekalung Budi yang berlangsung semalam meraikan staf UUM yang telah mencurahkan khidmat bakti dan pengorbanan dengan penuh dedikasi hingga ke saat persaraan.

Berucap pada majlis anjuran Jabatan Pendaftar, Wakil Pesara, Prof. Dr Kamil Md. Idris berkata, dalam menjalankan tugas, keikhlasan sangat penting dan perlu diutamakan oleh setiap orang untuk mendapat kejayaan.

“Kerja kalau hanya tumpu untuk naik pangkat semata-mata impaknya tidak ke mana tetapi kalau ikhlas kerana Allah, impaknya luar biasa.

“Kita berkhidmat mesti *lillahi taala* (kerana Allah), ikhlas sangat penting, rezeki di tangan Allah, dia tidak akan lari dan kalau Allah nak bagi, *kun faya kun* sahaja.

“Dalam usaha kita ikhlas tadi, Allah nak lihat usaha dan kesungguhan kita melaksanakan tugas dengan hati yang tulus ikhlas,” luahnya di EDC Hotels & Resorts.

Beliau menyeru golongan yang sudah bersara supaya mendekatkan diri dengan Allah, majlis ilmu dan menghampiri masjid kerana masa yang tersisa bukan lama mana.

“Terima kasih kepada UUM yang telah memberi banyak peluang dan pengorbanan, kita sedia berkhidmat demi UUM untuk membantu sedaya upaya mengikut bidang masing-masing,” ujarnya.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, majlis ini merupakan pengiktirafan kepada pesara yang telah bersama-sama menyumbang bakti malah segala pencapaian UUM selama ini atas jasa mereka.

“Pada malam ini, kita meraikan persaraan 86 orang yang telah sama-sama melalui liku-liku sejarah dan mengutip pelbagai pengalaman yang amat bermakna sejak UUM ditubuhkan pada 16 Februari 1984.

“Tahun ini, mereka yang bersara wajib terdiri daripada 7 staf pentadbiran dan 25 staf akademik. Manakala 31 staf pentadbiran dan 11 staf akademik memilih untuk bersara pilihan selain lima staf bersara atas sebab kesihatan.

Beliau turut melahirkan kesedihan kerana 7 staf terlebih dahulu meninggalkan kita dan pemergian mereka akan sentiasa diingati dan segala jasa bakti yang pernah mereka curahkan akan sentiasa dikenang.

“Bagi pihak Universiti Utara Malaysia, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas jasa dan khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan selama ini.

“Setiap orang akan melalui detik persaraan masing-masing dan sudah tentu pengalaman serta perasaan yang dialami pastinya berbeza bagi setiap individu namun, bagi yang bersara daripada UUM amat bertuah kerana pelbagai kemudahan disediakan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Naib Canselor dan isteri, Datin Noridah Bachik turut menyampaikan cenderamata kepada pesara dan pasangan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.